

DATE: 31/3/2010

Dr Mahani
Zainal Abidin



Rakyat penentu kejayaan MEB

31-31/03/2010

Dasar capai taraf negara maju menuntut sokongan semua

DATUK Seri Najib Razak mengambil masa 75 minit untuk menghuraikan konsep model ekonomi dalam ucapamannya pada Persidangan Invest Malaysia 2010 semalam. Jangkamasa yang diambil ini melambangkan betapa pentingnya Model Ekonomi Baru (MEB) dan perlunya untuk kita memahami serta menghayati strategi, polisi dan langkah yang harus diambil.

Laporan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) jelas menunjukkan situasi sekarang dan cabaran yang dihadapi oleh ekonomi negara. Amat pentingnya kita mengambil langkah berani bagi memastikan ekonomi negara tidak ketinggalan dan akan sebaris dengan ekonomi maju yang lain. Kalau kita lambat bergerak, besar kemungkinan Malaysia tidak akan dapat mencapai Wawasan 2020.

Adakah sasaran menggandakan pendapatan per kapita daripada AS\$7,000 kepada AS\$15,000 dalam masa sepuluh tahun satu angan-angan saja? Akan kedengaran orang bertanya, benarkah gaji saya akan naik dengan wujudnya MEB?

Sesetengah pihak pula mendesak supaya ada gaji minimum. Sasaran ini boleh dicapai dengan syarat ada pelaburan yang cukup terutama daripada sektor swasta, ada modal insan yang terbilang, ada penambahbaikan daya saing dan produktiviti, ada sektor awam yang memudahkan dan mendukung kegiatan ekonomi dan ada kekuatan teknologi berasaskan pengetahuan dan inovasi.


Penggandaan pendapatan per kapita hanya akan tercapai jika ekonomi negara berkembang secara mantap dengan berasaskan daya saing dan produktiviti. Peningkatan pendapatan ini tidak boleh dilihat hanya daripada sudut pendapatan nominal.

Yang lebih bermakna ialah peningkatan taraf hidup sebenar. Jika gaji bertambah tetapi harga barang pun naik, akhirnya kita balik ke tahap asal. Bagaimana boleh dapat gaji lumayan? Ia berasaskan kemahiran tinggi yang diraih daripada tahap pembelajaran dan pendidikan yang tinggi.

Ini adalah faktor utama yang membolehkan seseorang berbuat demikian bukan dengan mendesak. Dalam ekonomi berpengetahuan yang menjadi sasaran kita, pelaburan dalam teknologi baru, kemahiran tinggi, kebolehan berinovasi dan reka cipta serta kepelbagaian kemahiran adalah ciri-ciri utama yang membuka peluang untuk pendapatan tinggi.

Majikan tidak akan dengan mudah memberi gaji yang tinggi tanpa hasil kerja yang berpadanan. Akhirnya, pendapatan tinggi akan hanya menjadi realiti dan boleh bertahan jika prestasi pekerja boleh mencapai tanda aras antarabangsa.

Untuk meningkatkan pendapatan, kita mesti meningkatkan keupayaan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan eksport yang lebih



KEMAHIRAN tinggi, kebolehan berinovasi dan reka cipta menjadi asas merealisasikan pendapatan tinggi.

“ Yang lebih bermakna ialah peningkatan taraf hidup sebenar. Jika gaji bertambah tetapi harga barang pun naik, akhirnya kita balik ke tahap asal. Bagaimana boleh dapat gaji lumayan? Ia berasaskan kemahiran tinggi yang diraih daripada tahap pembelajaran dan pendidikan yang tinggi”

tinggi mesti digalakkan melalui pasaran baru dan produk serta perkhidmatan berkualiti.

Industri sedia ada yang sudah mempamerkan keupayaan perlu diperkukuhkan. Di samping itu, industri yang berpotensi untuk berkembang pada masa depan, harus dikenal pasti.

Kesimpulannya, kejayaan MEB ini adalah di tangan kita. Kerajaan boleh menyediakan pelan dan polisi yang sepatutnya, berserta suasana ekonomi yang sesuai. Tetapi, tanpa sokongan dan penyertaan rakyat, MEB hanya akan tinggal sebagai harapan.

Datuk Dr Mahani Zainal Abidin ialah Ketua Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis) Malaysia